

kamu hendaklah memungut sampah tersebut. Kemudian, bawa dan buang di tong sampah.

Jika tiada tong sampah di situ, kita boleh simpan dan bawa sampah untuk dibuang di rumah.

Aktiviti 1

(a) Taakul gambar dan lengkapkan perbualan.

Empat Langkah Mudah

Minta perhatian semua. Tolong berikan tumpuan. Saya akan membentangkan empat langkah untuk melestarikan alam sekitar di sekolah kita.



lihat

**Empat Langkah Mudah
Melestarikan
Alam Sekitar
di Sekolah**



pungut



bawa



buang

Terima kasih. Sekiranya kamu melihat sampah, _____

Sekian, terima kasih.

Sama-sama, Imran

Silakan, Imran.

Baiklah, Imran.
Apakah yang perlu kami buat jika tiada tong sampah di situ?

Aktiviti 1

(b) Lengkapkan dialog dan simulasikan.

Kejiranan Hijau

BILIK PAMERAN



Ibu, lihat brosur ini. Indahnnya pemandangan di kawasan perumahan ini.

Apakah yang dimaksudkan dengan kejiranan hijau, ibu?

Kawasan ini juga banyak keistimewaannya, ibu.

Keistimewaannya ialah _____

Kejiranan Hijau

Kejiranan hijau ialah kawasan kejiranan yang dibangunkan dengan mengutamakan kelestarian alam. Pembangunan di Putrajaya menonjolkan konsep bandar dalam taman. Banyak pokok ditanam di kawasan tersebut. Banyak keistimewaan konsep kejiranan hijau. Antaranya termasuklah:

- ⇒ landskap yang menarik
- ⇒ banyak laluan basikal
- ⇒ terdapat 12 taman awam
- ⇒ menjadi tarikan pelancong

Kunjungi bilik pameran kami. Marilah bersama-sama menyumbang ke arah melestarikan alam.

(Sumber: Perbadanan Putrajaya)

Benar, Aliya. Kawasan perumahan di sini menggunakan konsep _____

Kejiranan hijau ialah _____

Apakah keistimewaannya, Aliya?

Bagus, Aliya! Mari kita ke bilik pameran.

kejiranan hijau.

landskap yang menarik, banyak laluan basikal, terdapat 12 taman awam dan menjadi tarikan pelancong.

kawasan kejiranan yang dibangunkan dengan mengutamakan kelestarian